

| | |
|-----------|----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 29 AUGUST 2016 |

Permohonan maaf tidak ubah keadaan

BH - 29/8/2016

Kuala Lumpur: Permohonan maaf Tun Dr Mahathir Mohamad tidak dapat mengembalikan semula semua pindaan Perlembagaan Persekutuan membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong, kata Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr Rais Yatim.

Katanya, untuk mengembalikan perkara yang sudah hilang adalah sukar, terutama dalam keadaan sekarang, selepas 22 tahun pindaan Perlembagaan dibuat.

“Tidak mungkin apa yang sudah dipinda dapat dikembalikan semula. Malah, beberapa kes membabitkan saman sivil ke atas Raja-Raja Melayu sudah pun berjalan dan ada sudah diputuskan keputusannya,” katanya ketika dihubungi BH semalam.

Beliau mengulas mengenai permohonan maaf Dr Mahathir kepada Raja-Raja Melayu mengenai pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bekas Perdana Menteri itu dalam catatan blognya pada Khamis lalu, berkata pindaan itu menyebabkan kelulusan dan tandatangan Yang di-Pertuan Agong tidak lagi menjadi keperluan bagi menjadikan suatu akta sebagai undang-undang.

Pindaan sudah jadi sejarah

Rais berkata, pindaan itu adalah satu catatan sejarah yang berkaitan dengan hak asasi manusia, kedaulatan dan akauntabiliti yang bukan sahaja mendapat reaksi tempatan tetapi antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, dengan permohonan maaf itu, semua pihak perlu menerima keikhlasan Dr Mahathir yang sanggup mengakui kesilapan yang beliau lakukan.

“Kita kena terima permohonan maaf itu, ini satu cara kepemimpinan yang bertanggungjawab dan saya pasti ia sukar untuk dilakukan. Saya sukar menyelam isi hati Dr Mahathir sama ada ini ada motif politik atau sebaliknya,” katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, permohonan maaf itu sudah terlambat dan sepatutnya bukan hanya ditujukan kepada Raja-Raja Melayu, sebaliknya kepada orang Melayu dan rakyat negara ini.

Katanya, apa yang Dr Mahathir lakukan itu yang bukan sahaja memudarat kepada kedaulatan Raja-Raja Melayu dan institusi Raja tetapi kepada rakyat negara ini.